

PEKAKA KOPIAH HITAM
Black-capped Kingfisher

FAMILI: Alcedinidae
NAMA SAINTIFIK: *Halcyon pileata*



CIRI-CIRI

Burung dewasa mempunyai warna hitam pada bahagian atas dan sisi kepala, warna putih di sekeliling leher dan dada, serta paruh yang kelihatan tebal dan berwarna merah. Bahagian belakang hingga ke ekor pula berwarna biru gelap dengan bulu penutup sayap yang berwarna hitam. Semasa terbang, tompok putih yang besar jelas kelihatan pada bulu sayap. Bagi juvenil, bahagian-bahagian yang berwarna biru bagi burung dewasa kelihatan agak lusuh, dengan tompok kecil berwarna perang kekuningan, manakala terdapat garis sempadan yang berwarna oren kekuningan pada sekeliling leher. Terdapat garis-garis halus yang gelap pada bahagian tepi leher dan dada manakala paruh berwarna oren kecoklatan.

SAIZ

Panjang keseluruhan adalah di antara 29.0 sm-31.5 sm. Berat antara 50 g- 130 g.

MAKANAN

Ikan dan haiwan akuatik.

HABITAT

Burung ini mendiami kawasan-kawasan seperti paya bakau, pinggir pantai, pulau berhampiran tanah besar, kawasan tanah lembap, taman hingga ke ketinggian 1,525 m dari aras laut (kebanyakan ditemui di kawasan tanah pamah).

BUNYI

Bunyi yang dikeluarkan adalah seakan sama seperti Pekaka Belukar, *H.smyrnensis*, tetapi bernada lebih tinggi dan bingit.

PEMBIAKAN: Musim membiak adalah di dalam bulan April hingga bulan Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 4-5 biji telur di dalam sarang yang dibina pada tebing-tebing tanah yang telah digali.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.